

# **BAHASA MELAYU DALAM PENDIDIKAN DAN BUDAYA ILMU DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

*oleh*

Dr. Pg. Haji Abu Bakar bin Pg. Haji Sarifuddin  
(Brunei Darussalam)

## **Pendahuluan**

Bahasa Melayu digunakan sebagai lingua franca di Kepulauan Melayu beberapa abad yang lalu dalam hampir keseluruhan aspek kehidupan termasuklah dalam pendidikan dan budaya ilmu. Keadaan yang serupa juga berlaku di Negara Brunei Darussalam. Pendidikan awal di Negara Brunei Darussalam adalah pendidikan agama dalam bentuk tidak formal. Pendidikan agama yang tidak formal ini menggunakan bahasa Melayu dan ditulis dalam huruf Jawi dan bermula pada tahun 1956 pendidikan agama menjadi formal hinggalah ke hari ini menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya. Ini bererti bahawa bahasa Melayu sudah digunakan dalam bidang pendidikan dan budaya ilmu beberapa abad yang lalu secara menyeluruh.

Akan tetapi, apabila Inggeris datang ke Negara Brunei Darussalam dengan memperkenalkan pendidikan sekular dan tulisan Rumi, dan dikendalikan secara formal dan bersistematik, maka penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam pendidikan menjadi semakin berkurangan dan digantikan oleh bahasa Inggeris. Malah pihak British menganggap bahawa orang Brunei masih buta huruf. Anggapan ini adalah salah kerana orang Brunei pada masa itu sudah boleh membaca dan menulis tulisan Jawi.

Pada waktu itu mulalah bahasa Inggeris diperkenalkan yang akhirnya membawa kepada penggunaan bahasa Inggeris secara sangat meluas. Bahasa Inggeris perlahan-lahan menempatkan dirinya pada kedudukan yang istimewa dalam pendidikan dan budaya ilmu. Setiap tahun seramai dua orang murid

telah dipilih bagi mengikuti pelajaran di peringkat rendah atas aliran Inggeris di Labuan.

Walau bagaimanapun, bahasa Melayu tetap berkembang bersama-sama dengan bahasa Inggeris serta digunakan dalam pendidikan dan budaya ilmu. Ini berterusan sehingga zaman berkerajaan sendiri (1959 -1983). Pada zaman berkerajaan sendiri, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris seiring dalam pendidikan. Dasar kerajaan pada waktu itu adalah mengutamakan kedua-dua bahasa ini dengan mengadakan dua aliran pendidikan, iaitu aliran Melayu dan aliran Inggeris. Akan tetapi, aliran Melayu agak lambat dan tertinggal di belakang kesan perkembangan pesat aliran Inggeris. Ini ditambah lagi dengan jaminan ekonomi dan pekerjaan yang lebih baik bagi mereka daripada aliran Inggeris.

### **Aliran Inggeris dan Aliran Melayu**

Bermula dari tahun 1950-an, kedua-dua aliran ini berjalan serentak, akan tetapi aliran Inggeris mempunyai saluran ke peringkat tinggi luar negara sedangkan aliran Melayu hanya setakat peringkat rendah persekolahan. Walau bagaimanapun, aliran Melayu mempunyai persekolahan peringkat menengah mulai pertengahan tahun 60-an dan selanjutnya ke peringkat tinggi di Malaysia yang menyediakan pendidikan tinggi dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan bahasa ilmu. Tetapi, ini hanya terbatas dalam jurusan sastera dan sains sosial dan tidak dalam jurusan sains.

Pada tahap ini, kepercayaan terhadap kemampuan bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar dalam pendidikan dan dalam budaya ilmu semakin meyakinkan. Sebenarnya bahasa Melayu bukanlah tidak mempunyai kemampuan tetapi saluran, kemudahan, peluang dan kesempatan sangat terbatas di Negara Brunei Darussalam. Bahasa Melayu sudah jauh menampakkan kebolehannya dalam pelbagai bidang termasuklah bidang sains dan teknologi. Kalau kita menjadikan Indonesia sebagai contoh kejayaan dan kemampuan Indonesia bererti kejayaan dan kemampuan bahasa Melayu juga.

Keterbatasan yang jitu membuatkan kami di Negara Brunei Darussalam menggunakan bahasa Inggeris lebih banyak berbanding dengan bahasa Melayu. Tetapi, ini tidak bererti bahawa bahasa Melayu tidak mempunyai tempat dalam pendidikan dan budaya ilmu di Negara Brunei Darussalam. Sehingga kini, terdapat beberapa kursus dan program di Universiti Brunei Darussalam menggunakan bahasa Melayu. Keadaan seperti ini adalah disebabkan beberapa fenomena yang khusus bagi Negara Brunei Darussalam.

### **Pengalaman Brunei Darussalam**

Sebenarnya pada awal tahun 60-an, Negara Brunei Darussalam sudah dinasihatkan supaya menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah. Antara sebab-sebabnya ialah pertama, majoriti penduduknya adalah terdiri daripada orang Melayu dan ini sangat sesuai bagi pembentukan sistem pendidikan nasional yang menggunakan bahasa Melayu. Kedua, berdasarkan pengalaman negara luar yang banyak menghadapi masalah dalam pemilihan bahasa (*Report of the Education Commission, 1972:11*).

Dasar Pelajaran 1962 dan Rancangan Kemajuan Lima Tahun Negara telah berusaha untuk membentuk sistem pendidikan di Brunei Darussalam menjadi sistem nasional dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah. Akan tetapi setelah satu dekad pengisytiharan Dasar Pelajaran, namun tidak banyak kemajuan yang telah dibuat. Sistem yang telah diamalkan sebelum berkerajaan sendiri (sebelum Perlembagaan 1959) terus menerus wujud. Sememangnya sukar untuk merubah dengan serta-merta sesuatu sistem yang telah lama diamalkan. Perubahan bukan sahaja memerlukan dukungan padu daripada orang ramai tetapi juga faktor-faktor lain yang boleh memudahkan perubahan (Abu Bakar bin Pg. Haji Sarifuddin, 1994:87 - 88).

Suruhanjaya Pelajaran yang dibentuk pada tahun 1972 adalah untuk menggubal Dasar Pelajaran, dan Dasar Pelajaran 1972 ini tidak banyak berbeza daripada Dasar Pelajaran 1963. Ini disebabkan Suruhanjaya berkenaan menganggap bahawa Dasar Pelajaran 1962 telah tidak

dilaksanakan. Dasar Pelajaran 1972 bertujuan antara lain untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar di sekolah-sekolah secepat mungkin bersesuaian dengan kehendak Perlembagaan (Abu Bakar bin Pg. Haji Sarifuddin, 1994:87 – 88).

Suruhanjaya Pelajaran 1972 berpendapat bahawa Brunei Darussalam lebih sesuai mengikut sistem pendidikan Malaysia kerana kedua-dua buah negara ini mempunyai banyak persamaan dari segi penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar di sekolah-sekolah.

Akan tetapi, pada tahun 1975 Brunei Darussalam telah beralih tujuan daripada cadangan Laporan Suruhanjaya Pelajaran 1972. Fenomena ini berlaku disebabkan oleh kesalahfahaman politik (political misunderstanding) antara kedua-dua buah negara.

Keadaan ini telah memberikan kesan yang mendalam kepada pendidikan Melayu kerana pelajar-pelajar aliran Melayu tidak mempunyai peluang untuk meneruskan pelajaran mereka ke peringkat tinggi di universiti-universiti di Malaysia. Sebaliknya, mereka harus mengikuti kursus bahasa Inggeris selama dua tahun sebelum memohon untuk belajar di Britain.

Keadaan ini berterusan sehingga tahun 1985 apabila kerajaan membuat keputusan `menggunakan dwibahasa di sekolah-sekolah'. Sistem dua aliran, iaitu Melayu dan Inggeris berakhir dan digantikan dengan dwibahasa. Brunei tidak mahu terperangkap sekali lagi disebabkan oleh salah memilih dasar pelajaran yang menyangkut soal bahasa.

Dalam sistem dwibahasa, `survival' bahasa Melayu tetap terjamin. Kita tidak perlu bimbang kerana sistem pendidikan di Brunei Darussalam tetap menggunakan bahasa Melayu di samping bahasa Inggeris. Dengan kata lain, bukan hanya bahasa Inggeris yang digunakan tetapi juga bahasa Melayu di peringkat pendidikan rendah, menengah dan tinggi. Ini diperkuatkan lagi dengan mensyaratkan para pelajar mesti mendapat kredit (kepujian) dalam bahasa Melayu bagi mendapatkan biasiswa pelajar terbaik dalam negara mahupun luar negara.

Fenomena ini terjadi, pada fikiran saya, adalah disebabkan oleh dua hal yang penting. Pertama, Brunei Darussalam mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan Britain dan pernah mendapat perlindungan Inggeris hampir selama 100 tahun dan keduanya, bahasa Inggeris telah menjadi bahasa dunia. Kalau dibandingkan dengan Indonesia, yang pernah dijajah oleh Belanda, tetapi bahasa Belanda bukanlah bahasa dunia, maka adalah logik Indonesia tidak menggunakan bahasa Belanda dan sebaliknya menggunakan bahasa ibunda.

### **Dwibahasa**

Aliran Inggeris mempunyai status yang tinggi kerana memberikan peluang kepada para pelajarnya melanjutkan pelajaran ke luar negara. Persekolahan aliran Inggeris sangat penting kerana pelajar-pelajarnya dapat memainkan peranan penting dalam perkembangan politik dan sosioekonomi Brunei Darussalam. Aliran ini ditubuhkan untuk memenuhi keperluan masyarakat dan berjaya mengeluarkan graduan-graduan yang menduduki jawatan tinggi dan penting dalam sektor kerajaan dan swasta. Walaupun aliran ini telah digantikan dengan sistem dwibahasa, tetapi telah meninggalkan warisan yang terus menerus mempengaruhi sistem pendidikan, dasar dan perancangan bahasa di Brunei Darussalam.

Satu hal yang perlu diingat bahwa dengan mempelajari bahasa Inggeris, penggunaan yang berterusan dan perkembangannya dalam sesebuah negara akan membawa bersamanya pemikiran-pemikiran dan budaya Barat yang mungkin tidak sesuai dengan masyarakat setempat. Gary Jones dalam Richard B. Baldauf, Jr dan Allan Luke (eds.) mengatakan bahawa kejayaan dwibahasa mungkin boleh dipandang sebagai satu ancaman terhadap budaya Brunei Darussalam dan status bahasa Inggeris dan bahasa Melayu akan menjadi keliru. Akan tetapi ini tidak mungkin berlaku kerana identiti dan budaya nasional Brunei Darussalam cukup kuat menangkis sebarang pencerobohan daripada bahasa asing dan budaya yang datang bersamanya (Gary Jones, 1990:303). Kunci kepada kestabilan politik dan kesinambungan budaya Brunei Darussalam, seperti yang dilihat oleh orang Brunei dan orang asing, adalah terletak pada

konsep Melayu Islam Beraja. Kesatuan tiga elemen, iaitu identiti Melayu, agama Islam dan sistem monarki menjadi penghalang kepada pengaruh luar yang berlebihan. Satu kajian yang pernah dibuat di Malaysia mendapati bahawa 45.6% responden merasakan bahawa budaya tidak akan dirosakkan dengan berbahasa Inggeris atau Melayu. Seseorang yang dibesarkan dalam budayanya, bahasa Inggeris atau Melayu tidak akan mengancam budayanya. Budaya dicintai dan disanjung melalui amalan setiap hari walaupun bahasa yang digunakan adalah berbeza. Bahasa tidak semestinya menggambarkan falsafah dan prinsip seseorang. Pandangan dan pemikiran seseorang bukan ditentukan oleh bahasa yang dipakai walaupun ada sedikit sebanyak pengaruhnya (Asmah Haji Omar, 1991:85 - 86).

Sistem dwibahasa di Negara Brunei Darussalam, telah bermula dari Darjah 4. Ini berarti, asas bahasa Melayu telah dibentuk begitu kuat selama empat tahun pertama persekolahan di peringkat rendah, iaitu bermula dari prasekolah hingga ke darjah 3 dan semua mata pelajaran diajarkan dalam bahasa Melayu kecuali mata pelajaran bahasa Inggeris sahaja yang menggunakan bahasa Inggeris. Setelah berada dalam darjah 4 dan selanjutnya ke persekolahan menengah, bahasa Melayu masih digunakan dalam beberapa mata pelajaran. Pelajar-pelajar aliran sains dalam Tingkatan 6, keseluruhan mata pelajaran mereka diajar dalam bahasa Inggeris.

Sistem pendidikan dwibahasa di Brunei Darussalam tidak lagi menggunakan pelbagai aliran bahasa atau dibahagikan kepada aliran bahasa yang berbeza-beza. Pegawai-pegawai di Kementerian Pendidikan telah berusaha meyakinkan orang ramai bahawa sistem baru ini adalah bertujuan untuk memastikan dominasi bahasa Melayu, dan pada masa yang sama mengakui tentang betapa pentingnya bahasa Inggeris. Dengan menggunakan dwibahasa adalah diharapkan penguasaan kedua-dua bahasa akan dapat dicapai. Pengakuan terhadap kepentingan bahasa Inggeris adalah berdasarkan kepentingannya dalam pembelajaran akademik yang akan memudahkan pelajar-pelajar Brunei memasuki institusi pengajian tinggi yang menggunakan bahasa Inggeris. Dasar dwibahasa adalah merupakan tanda

yang cukup jelas bagi menjadikan masyarakat dwibahasa. Fenomena ini hampir tidak ada bantahan daripada orang ramai, sebaliknya mendapat sanjungan kerana pelaksanaan dwibahasa adalah langkah yang bijaksana. Ini terbukti kerana dasar dwibahasa adalah bersifat pragmatik dan tidak merosakkan. Seseorang harus mengakui bahawa dengan mengetahui beberapa bahasa boleh menjadikannya berfikiran luas dan progresif, penuh dengan kesedaran dan pemahaman tentang manusia dan kehidupannya, dan seterusnya menambah pengetahuan dan membuatkan ia lebih bijaksana. Penggunaan bahasa Inggeris telah mendedahkan Brunei Darussalam kepada perspektif dan pasaran global, serta budaya dan pengaruh daripada seluruh dunia. Akibatnya, masyarakat Brunei Darussalam menjadi peka terhadap bahasa yang berperanan tambahan sebagai media maklumat, dan boleh menjadi saluran pemindahan budaya. Masyarakat Brunei Darussalam harus bijak membuat pilihan untuk diadaptasikan di Brunei Darussalam di samping menyedari kewujudan bahaya yang terpotensi, dan dalam masa yang sama, mereka harus juga sedar bahawa tidak ada sebuah negara pun yang boleh 'survive' dalam ekonomi dan budaya yang kosong.

Majoriti penduduk di Brunei Darussalam terdiri daripada orang Melayu, dan bahasa Melayu akan terus menjadi bahasa nasional kerana bahasa ini adalah bahasa yang digunakan oleh masyarakat umum dan menjadi sebahagian daripada identiti mereka. Oleh sebab itu, mereka tidak mahu kehilangan bahasa Melayu. Kedudukan bahasa Melayu dalam masyarakat Brunei Darussalam tidak akan digantikan dengan bahasa Inggeris. Mereka menggunakan bahasa Inggeris sebagai alat untuk pembangunan nasional. Brunei Darussalam menyedari bahawa kedudukan bahasa Melayu pada masa hadapan akan tetap terjamin dan dalam masa yang sama, kesan daripada hubungan sejarah, rakyatnya berusaha menguasai bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan bahasa global.

Brunei Darussalam tidak mengalami kehilangan budaya bahasa akibat daripada penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Dwibahasa bukanlah sesuatu yang negatif tetapi lebih dilihat sebagai suatu nilai tambah.

Penyelidik-penyelidik bahasa mengakui bahawa Brunei Darussalam akan memperoleh lebih banyak kebaikan kesan daripada pelaksanaan dwibahasa (Gary Jones dalam Richard B. Baldauf, Jr dan Allan Luke (eds.), 1990:303).

Bahasa Inggeris dipandang sebagai satu kelebihan di kalangan keluarga kelas menengah kerana pendidikan Inggeris menawarkan peluang yang lebih baik dari segi kemudahan melanjutkan pelajaran, kerjaya dan status. Oleh itu pendidikan Inggeris telah menjadi pendidikan pilihan utama di kalangan ibu bapa untuk kejayaan anak-anak mereka. Mereka bersedia menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris swasta dengan misi walaupun harus membayar yuran yang mahal, walaupun pendidikan percuma diberikan kepada semua rakyat Brunei Darussalam yang belajar di sekolah kerajaan pada semua peringkat persekolahan. Kemasukan pelajar-pelajar ke sekolah Inggeris bukan kerajaan kini semakin bertambah. Keadaan ini menyebabkan kerajaan menggunakan dwibahasa dalam sistem pendidikan dan diteruskan ke sekolah-sekolah bukan kerajaan mulai tahun 1990 (*Borneo Bulletin*, 30 June 1990). Usaha ini dapat mengekalkan penggunaan bahasa Melayu daripada terus lenyap terutamanya di sekolah-sekolah bukan kerajaan.

## **Penutup**

Kedudukan dan penggunaan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan dan budaya ilmu semakin terjamin apabila Universiti Brunei Darussalam buat pertama kali menawarkan program sarjana dalam bidang pendidikan dengan menggunakan bahasa Melayu, di samping program dalam bahasa Inggeris yang telah dilaksanakan sejak beberapa tahun yang lalu. Program dalam bahasa Melayu ini seharusnya bermula seiring dengan program dalam bahasa Inggeris, tetapi kelewatan ini disebabkan oleh terdapatnya pihak yang menolak penggunaan bahasa Melayu. Dasar bahasa di Universiti Brunei Darussalam jelas menetapkan bahawa bahasa Melayu haruslah diajarkan di Universiti Brunei Darussalam sebagaimana bahasa Melayu diajar dalam semua mata pelajaran di sekolah.



Sebelum ini, pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana aliran Melayu dalam bidang pendidikan terpaksa ke Malaysia kerana program berkenaan tidak wujud di Universiti Brunei Darussalam. Nampaknya golongan yang mahu mempertahankan bahasa Melayu harus bekerja keras untuk mendaulatkan bahasa Melayu sebagai warisan bangsa.

## Rujukan

Asmah Haji Omar, 1991. "Bilingualism and Biculturalism Bandar Seri Begawan: Universiti Brunei Darussalam". Kertas kerja yang disampaikan dalam Conference on Bilingualism and National Development, Disember.

*The Borneo Bulletin*. Kuala Belait: Brunei Press.

*Education in Brunei Darussalam, 1990*. Bandar Seri Begawan: Public Relations Section, Ministry of Education.

*Education of Negara Brunei Darussalam. [n.d.]*. Bandar Seri Begawan: Ministry of Education.

Edwards, John, 1991. "Dilemmas of A Bilingual Society, Bandar Seri Begawan: Universiti Brunei Darussalam". Conference Paper Presented at the Conference on Bilingualism and National Development, Disember.

Jones, Gary, 1990. "How Bilingualism Being Integrated in Negara Brunei Darussalam", in Richard B. Baldauf, Jr and Allan Lukr (eds.), *Language Planning and Education in Australasia and the South Pacific, England: Multilingual Matters*.

Mataim Bakar, 1994. "Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu dalam Konteks Negara Brunei Darussalam", dlm. *JANANG*, Bil. 3, September, Bandar Seri Begawan: Akademi Pengajian Brunei.

Pg. Haji Abu Bakar bin Pg. Haji Sarifuddin, 1994. *A Study of Brunei Education in Relation to Policy and Ideology*, [Unpublished Ph.D. Thesis], Monash University.

Singh, D.S. Ranjit, 1986. "Brunei in 1985", in *Asian Survey*, Vol. XXVI, No. 2, February. California: University of California Press.